

**Usahawan Kecil Bumiputera Perlu Bergabung Dan Bekerjasama Dengan Usahawan Besar - Taib Bernama
6 Mac, 2012**

KUCHING, 6 Mac (BERNAMA) -- Usahawan kecil dan sederhana perlu berkongsi pengalaman serta pengetahuan dengan kumpulan usahawan besar yang telah berjaya jika mahu mengembangkan skop perniagaan masing-masing, sekali gus tidak bergantung dengan sokongan kerajaan semata-mata.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata usahawan kecil juga boleh bergabung tenaga dan pengalaman dalam pelbagai bidang perniagaan yang lebih berpotensi sesuai dengan kehendak pasaran semasa.

"Kongsi pengalaman (mengurus perniagaan) untuk tingkatkan kejayaan daripada kecil ke skala sederhana dan jika berjaya, atasi masalah peringkat rendah, jangan tinggalkan mereka yang di peringkat rendah kongsi segala pengalaman dan pengetahuan itu," kata beliau ketika menyampaikan ucapan dan perasmian Jejak 2012 dan Kongres Ekonomi Bumiputera Sarawak Ke-VI anjuran Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di sini Selasa.

Taib berkata usahawan kecil bumiputera juga harus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan melalui bimbingan pelbagai agensi kerajaan untuk kekalkan survival perniagaan masing-masing.

Menurutnya jika usahawan kecil bumiputera dapat bergabung di bawah satu payung organisasi yang besar mereka akan berpeluang meluaskan pasaran mereka dan bukan sekadar bersaing sesama sendiri dalam pasaran semasa yang agak terhad.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650208>